

Tarian Lotah seni tradisi Perak

15 SEP 1976

SATU dari tarian tradisional yang berkembang dengan mendapat perhatian dari tokoh-tokoh seni di Perak sekarang ialah Tarian Lotah.

Dalam setiap pertunjukan pentas di seluruh Perak sekarang, tarian itu akan dipersembahkan.

Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Perak berura-ura hendak menjadikan Tarian Lotah itu sebagai tarian tradisional ramai negeri Perak.

Ecnik Ibrahim bin Kulop Kechik, 68 tahun, dari Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Parit menerangkan, Tarian Lotah itu bermula kira-kira 100 tahun lalu.

Ke sawah

Sepasang suami isteri bersama dua orang anak, seorang berumur dua tahun dan seorang berumur kira-kira lima bulan tinggal di sebuah rumah di dalam hutan.

Suami isteri itu, setiap hari ke sawah meninggalkan kedua anak mereka di rumah.

Pada satu petang, anak kecil dalam buaian menangis tidak berhenti-henti.

Anaknya yang berumur dua tahun pergi ke sawah memanggil emaknya pulang dengan meninggalkan adiknya menangis seorang diri.

Hilang

Bagaimanapun, alangkah terperanjat kedua suami isteri itu bila mendapati anak mereka da-

lam buaian itu hilang.

Puas mereka memanggil-manggil dan mencari anak kecil itu tidak juga berjumpa.

Selang tiga malam emak kanak-kanak itu bermimpi dan mendengar suara anaknya yang hilang itu menyanyikan.

Malam berikutnya, kedua suami isteri itu mendapat alamat supaya membuat sebuah rumah empat tiang di tengah sawah jika hendak bertemu dengan anaknya, dengan menyanyi lotah...lotah.

Semangat

Bagaimanapun suara anak mereka sahaja dapat didengar bersamasama mereka menyanyi lotah itu, dan anaknya konon telah menjadi "semangat padi".

Encik Ibrahim menerangkan, biasanya Tarian Lotah itu dimainkan selepas Maghrib hingga ke Subuh, di sebuah pelantar sambil melirik padi yang dituai.

Tarian Lotah tidak menggunakan alat-alat muzik, hanya bergantung kepada kekuatan dan nyaringan suara peserta yang mengambil bahagian.

Sekarang tarian itu disertai oleh kaum wanita dengan berbalas pantun dan mengusik-ngusik antara mereka.

Di Tanjung Bidara, asal bermula Tarian Lotah itu, dianggap keramaian Tarian Lotah itu sebagai pesta mencari jodoh. — ZAHARUDDIN MOHD RAFEI.